

PERANCANGAN KEWANGAN NAQLI DAN AQLI

SIRI 19

DALAM siri yang lepas, saya telah membuka topik perbincangan tentang pelaburan. Persoalannya berapa ramai yang sudah mula berjinak dengan pelaburan? Apa yang dimaksudkan dengan pelaburan ini bukan hanya simpanan tunai anda di bank atau simpanan tunai anda di dalam tabung walaupun untuk menjadi seorang pelabur, anda perlu menjadi seorang penyimpan dahulu seperti yang telah diutarakan dalam beberapa artikel yang lepas.

Saya juga ada mengupas tentang perbezaan tentang pendapatan aktif, pasif dan portfolio. Kebanyakan orang memulakan hidup mereka dengan membuat pendapatan biasa sebagai pekerja. Jalan untuk membina kekayaan bermula dengan menukarkan pendapatan yang diperolehi ke dalam jenis pendapatan pasif dan portfolio sebaik mungkin.



JALAN UNTUK
MEMBINA
KEKAYAAN
BERMULA
DENGAN
MENUMBUKANKAN
PENDAPATAN
YANG DIPEROLEHI
KE DALAM JENIS
PENDAPATAN
PASIF DAN
PORTFOLIO
SEBAIK MUNGKIN.

Tekniknya adalah sangat mudah tetapi amat sukar untuk dilakukan. Apa yang perlu dilakukan ialah dengan menyimpan sebahagian pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan anda untuk dijadikan

modal pelaburan untuk
mengenalpasti
agar wang
bukannya

Pelaburan
seperti saham
saham am
memberik
bentuk al
dalam po
keluar da
tentang a
amat per
bekerja u
pelabur a
untuk me
pula mem
mereka d
orang la
dan akh
pelabur d
mereka b

Di sini
memberik
untuk bek
memaksa
kita deng
positif. Ba
pasti alira
mempelaj



modal pelaburan dan labur sebahagian wang untuk mendapatkan pendidikan mengenai jenis-jenis pelaburan tertentu agar wang akan bekerja untuk kita dan bukannya kita bekerja untuk wang.

Pelaburan yang akan anda ceburi seperti saham, bon, hartanah, komoditi, saham amanah dan pelbagai lagi, perlu memberikan anda pulangan dalam bentuk aliran tunai. Wang masuk ke dalam poket anda dan bukannya wang keluar dari poket anda. Kefahaman tentang arah aliran tunai ini adalah amat penting untuk memastikan wang bekerja untuk kita. Minda seseorang pelabur akan memastikan wang bekerja untuk mereka, minda seorang usahawan pula memastikan orang bekerja untuk mereka di samping menggunakan wang orang lain untuk bekerja untuk mereka dan akhirnya mereka juga akan menjadi pelabur dengan menjadikan modal mereka bekerja untuk mereka.

Di sini kita masih perlu untuk memberikan komitmen yang berterusan untuk bekerja cuma kita juga perlu memaksa wang untuk bekerja untuk kita dengan memberikan aliran tunai positif. Bagaimanakah untuk mengenal pasti aliran tunai tersebut? Kita perlu mempelajari bagaimana pelaburan

itu boleh memberikan aliran tunai. Ini adalah kerana ada pelaburan yang tidak memberikan aliran tunai kerana ia memberikan keuntungan ke atas modal sahaja. Ada juga pelaburan yang membawa kerugian daripada segi aliran tunai atau penyusutan modal.

Sebagai contohnya, jika kita berhasrat untuk menjadi pelabur hartanah, ada perbezaan sama ada sesebuah pelaburan hartanah itu akan memberikan aliran tunai atau keuntungan atas modal. Jika kita membeli sebuah tanah, dan menyimpannya dengan harapan mengharapkan harganya akan

Pemilihan Jenis Dana



